



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Darwalis Sazan. (2025). Kuasa dan ideologi visual satira politik dalam media sosial: Kajian berpandukan wacana kritis dan semiotik sosial. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 53-79. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.3>

KUASA DAN IDEOLOGI VISUAL SATIRA POLITIK DALAM MEDIA SOSIAL: KAJIAN BERPANDUKAN WACANA KRITIS DAN SEMIOTIK SOSIAL

(POWER AND IDEOLOGY OF VISUAL POLITICAL SATIRE IN SOCIAL MEDIA: STUDY ON CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS AND SOCIAL SEMIOTICS)

Darwalis Sazan

Kursus Universiti, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

darwalissazan@usm.my

Received: 27/5/2024 Revised: 10/9/2024 Accepted: 9/2/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Sumber visual pada masa kini telah dijadikan sebagai satu bentuk penyampaian dan komunikasi politik yang berkesan. Kepelbagaian visual khususnya satira politik di Malaysia dilihat sebagai ruang untuk membentuk cakna khalayak terhadap sumber ini. Kajian melibatkan satira visual dalam penelitian kuasa dan ideologi jarang diketengahkan oleh para sarjana memandangkan terdapat sensitiviti tertentu dalam menyuarakan pandangan. Kajian ini meneliti kuasa dan ideologi di sebalik visual satira politik Malaysia di media sosial. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif berdasarkan analisis kandungan visual. Media sosial 'X' dijadikan sumber data visual satira politik diperoleh. Penyesuaian teori pula mengguna

pakai Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough (1995; 2006) dan Teori Semiotik Sosial oleh Kress dan Leuween (1996). Dengan gabungan dan penyesuaian kedua-dua teori ini, kuasa dan ideologi visual dapat dirungkaikan sebaiknya. Hasil kajian mendapati bahawa penghasilan visual satira politik di Malaysia sememangnya mempengaruhi satira yang diketengahkan melalui kuasa dan ideologi di media sosial. Pembinaan kuasa dan ideologi secara visual satira juga dilihat sebagai satu dominasi kritik yang berkesan untuk menyuarakan apa-apa pandangan dalam senario kepolitikan. Oleh itu, kajian ini memberi pengetahuan dan kefahaman tentang kuasa dan ideologi di sebalik visual satira politik dalam konteks politik di Malaysia berpandukan wacana kritis dan semiotik sosial.

Kata kunci: Kuasa, ideologi, satira politik, media sosial, analisis wacana kritis.

ABSTRACT

Visual resources have been used as an effective form of political delivery and communication. Visual diversity, especially political satire in Malaysia, is a space to shape the audience's awareness of the resources. This study examines the power and ideology behind Malaysian political satire visuals on social media. Studies involving visual satire relating to power and ideology are rarely highlighted by scholars since there is a certain sensitivity in voicing out views. This research applies a qualitative approach based on visual content analysis. Social media 'X' is opted to obtain the political satire visual data. The study adapted the Critical Discourse Analysis theory by Fairclough's (1995; 2006) and Social Semiotics Theory by Kress and Leuween (1996). The combination and adaptation of the two theories unravel visual power and ideology. The study found that the visual production of political satire in Malaysia indeed influences satire that is highlighted through power and ideology on social media. The formation of power and ideology in visual satire is also seen as effective criticism dominance to voice any point of view in the political scenario. Therefore, this study provides knowledge and understanding about the power and ideology behind visual political satire in the political context of Malaysia.

Keywords: *Power, ideology, political satire, social media, critical discourse analysis.*

PENGENALAN

Satira visual dalam politik merujuk kepada penggunaan imej atau elemen visual yang disengajakan untuk memprovokasi, mengejek atau mengkritik institusi politik, ideologi atau sebarang gerakan. Satira atau ulasan politik sangat bergantung kepada medium seperti meme, kartun atau foto yang disunting untuk menyampaikan mesejnya. Kajian yang menggunakan pendekatan berorientasikan emosi kemarahan berperanan sebagai perantara dalam hubungan antara pendedahan dengan sindiran politik dan penyertaan politik. Penerokaan cara sindiran politik secara tidak langsung dikatakan dapat mempengaruhi tahap keterlibatan dalam arena politik (Chen et al., 2017). Kenyataan seperti ini juga dijelaskan oleh Razali dan Hussin (2021) dalam keterlibatan peranan media, satira dengan politik. Tegasnya, maklumat politik yang diakses dalam media melalui pelbagai platform mempunyai nilai yang tinggi berdasarkan kemudahan dan kecanggihan teknologi pada abad ke-21. Idea ini sangat penting untuk menilai maklumat politik dengan keterbukaan perspektif khalayak terhadap dunia politik hari ini (Sanusi & Saad., 2021). Kepentingan satira visual terletak pada keupayaannya untuk menyebarkan ulasan atau kritikan politik dengan cepat dan berkesan melalui kandungan yang mudah dikongsi dan menarik secara visual (Fichman & McClelland, 2021).

Kini, bentuk satira visual dalam media massa di Malaysia semakin berleluasa dan hal ini dilihat sebagai salah satu cara individu atau kumpulan menyuarakan pendapat atau rungutan mereka berhubung isu-isu melibatkan tokoh politik. Seperti yang kita semua sedia maklum, satira ini boleh dibentuk daripada meme, kartun, gambar yang disunting dan sebagainya (Brian, 2003). Maklumat ini boleh dimanipulasi dan dikongsi secara meluas di platform media sosial untuk menyampaikan mesej atau pandangan tertentu. Bahkan menurut Harveena dan Arnold (2021) satira ini bukan sahaja untuk individu yang terlibat secara politik tetapi secara tidak langsung membantu dalam membentuk perspektif mereka yang tidak terlibat secara aktif dalam hal politik dan perdebatan. menarik secara visual (Fichman & McClelland, 2021).

Globalisasi ini, dunia berada dalam arus kecanggihan yang dapat diteroka dan dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Salah satu kecanggihan yang dimiliki oleh semua masyarakat dunia ialah sistem

rangkaian komunikasi secara global melalui penggunaan Internet (Ramcharan, 2013). Perkembangan dan penggunaan Internet telah meluas dan jumlah pengguna Internet pada 2023 melibatkan rakyat Malaysia dianggarkan sebanyak 33.47 juta orang (SKMM, 2023). Dalam hal ini, kepelbagaian platform yang digunakan oleh rakyat Malaysia dilihat sebagai salah satunya faktor mengapa perbincangan dan percanggahan pandangan melibatkan isu-isu politik wujud. Maka tidak hairanlah jika visual melibatkan provokasi politik disajikan di media sosial.

Dalam era digital hari ini, media sosial menyediakan akses mudah dan pantas kepada platform yakni *trolling* biasanya diperhatikan. Pengguna boleh menyertai perbincangan dalam talian pada pelbagai platform seperti X, Facebook, Instagram, blog dan banyak lagi, berinteraksi dalam komuniti yang berkongsi minat dan pandangan yang sama, termasuk mereka yang menggunakan *trolling* untuk ekspresi diri atau untuk menyampaikan idea politik. Kebolehcapaian ini bermakna sesiapa sahaja yang mempunyai akses Internet boleh menyumbang kepada penciptaan kandungan politik, menghasilkan pelbagai perspektif politik yang dinyatakan melalui *trolling* visual. Media sosial memberi kuasa kepada pengguna untuk terlibat secara aktif dalam penciptaan dan pengedaran kandungan, termasuk *trolling*, membolehkan mereka membentuk naratif politik dan mempengaruhi pendapat umum (Goyanes et al., 2024).

Walau bagaimanapun, sesetengah platform media sosial membenarkan pengguna kekal tanpa nama atau menggunakan akaun samaran, selalunya terikat dengan faktor situasi seperti *mood* atau konteks perbincangan, yang membawa kepada tindakan yang bertujuan untuk memprovokasi atau menjengkelkan orang lain untuk hiburan (Cheng et al., 2017). Selain itu, satira di media sosial boleh mempengaruhi pendapat umum dengan pantas, kerana mesej provokatif sering mendapat perhatian dan tersebar dengan cepat, mewujudkan tanggapan penerimaan yang meluas. Menyedari tingkah laku ini, yang dipanggil satira memerlukan pemahaman tentang norma unik platform ini untuk membezakan antara interaksi tulen dan tidak ikhlas (Herring et al., 2004). Oleh itu, penggunaan media sosial menyumbang dengan ketara kepada percambahan *trolling* visual politik dengan mempercepatkan penyebaran kandungan, memupuk penglibatan yang lebih luas terhadap politik.

SATIRA POLITIK, KUASA DAN IDEOLOGI

Dalam hal ini, istilah satira merujuk kepada tindakan yang disengajakan untuk memprovokasi atau mengganggu orang lain di Internet dengan menyiarkan hantaran yang bersifat negatif, seperti menghasut, menyinggung atau menyesatkan (Rill & Cardiel, 2013). Dalam konteks ini, sesuatu satira berperanan sebagai tindakan negatif untuk membangkitkan respons emosi kepada pembaca dalam sesuatu isu selain mewujudkan percanggahan dan manipulasi dalam persepsi. Bentuk satira kebanyakan di Malaysia membentuk visual negatif malah mewujudkan pandangan yang kurang baik terhadap individu tersebut. Lau et al. (2007) menyatakan bahawa emosi negatif akan tersimpan di minda khalayak tentang pengaruh visual individu yang menjadi topik satira selain melihat kecenderungan kepolitikan individu sama ada secara sedar ataupun tidak. Xenia dan Marton (2020) menjelaskan satira politik juga dilihat menidakkan sokongan mereka terhadap sesuatu parti atau individu berpolitik kerana khalayak yang mempunyai pengetahuan akan lebih memandang isu dengan positif seperti dakwaan Zulkifli et al. (2018) satira politik saling berhubung dengan pengetahuan khalayak dan kesan satira ini.

Satira ini berniat untuk mengganggu seramai mungkin orang dengan menggunakan apa-apa sahaja alat linguistik atau tingkah laku yang boleh membahayakan komuniti dan individu (Shachaf & Hara, 2010). Menurut Yodiansyah (2017) satira politik ini berperanan sebagai satu ulasan sosial yang boleh merangsang pandangan khalayak untuk meneliti dan mempersoalkan kuasa politik. Hal ini adalah penting untuk memastikan tindakan kepolitikan adalah benar dan adil kerana satira dapat perbincangan dan penelitian khalayak terhadap kelakuan ahli politik dan kerajaan. Penggunaan satira politik dalam media sosial juga berupaya menghasilkan penglibatan dan kesedaran yang lebih besar dalam kalangan khalayak. Jelas bahawa penyebaran maklumat politik merentasi pelbagai platform sangat berleluasa dan dihargai di seluruh lapisan masyarakat. Namun begitu, adalah mustahak bagi orang ramai untuk menggunakan saluran ini dengan bijak untuk mengakses sumber yang boleh dipercayai dan berkualiti tinggi. Kajian ini menjelaskan kedinamikan politik di Malaysia yang mengelilingi gambaran visual dan menawarkan pandangan yang dibuat oleh puak politik yang berbeza.

Ramai penyelidik telah menyatakan bahawa satira visual yang bersifat sindiran, terutamanya melalui kartun dan meme politik, berfungsi

sebagai mekanisme yang berkesan untuk mengkritik ideologi. Imej satira yang menggunakan jenaka dan unsur-unsur isu hangat semasa juga mendasari struktur kuasa dan ideologi yang ada dalam visual politik. Sebagai contoh, dengan menggambarkan tokoh politik secara berlebihan, sindiran menerangkan tindakan dan dasar mereka, mendedahkan dinamik sosiopolitik (Medhurst & Desousa, 2014). Sindiran visual yang disuarakan oleh beberapa penyelidik berfungsi sebagai alat untuk kritikan dalam konteks politik dan ekonomi seperti dalam kajian Ahmed (2024), Dela (2018), Sani (2014), dan lain-lain. Dengan menggunakan Teori Norman Fairclough dalam kajian Meyer (2012) misalnya untuk menganalisis sindiran visual, kajian menunjukkan bahawa imej satira yang bersifat humor adalah bertujuan untuk menjejaskan naratif rasmi dan mengemukakan perspektif alternatif. Subversi ini dilihat sebagai satu bentuk penentangan terhadap kuasa yang telah terbentuk. Teori Fairclough ini berjaya mendedahkan cara sindiran berinteraksi dengan ideologi politik dan ekonomi. Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan menganalisis teks visual seiring dengan konteks sosiopolitiknya untuk memahami sepenuhnya impak dan fungsinya.

Saftoiu dan Tudor (2023) juga mengkaji penggunaan satira namun tumpuan mereka kepada satira etnik dalam kartun dan implikasinya melalui dialog. Dalam hal ini, pendekatan dialog digunakan untuk menganalisis humor etnik dan penekanan sudut sosiobudaya dalam Fairclough disesuaikan dan menekankan bagaimana gabungan ini berinteraksi dengan konteks budaya, sosial dan politik. Pendekatan ini membantu dalam memahami bagaimana humor terlibat dengan dan mengulas tentang isu-isu masyarakat. Interaksi ini mempengaruhi cara humor itu dilihat dan difahami. Kajian ini berjaya meneroka aspek etika humor etnik, dengan mengambil kira potensinya sama ada untuk mengukuhkan stereotaip negatif atau memupuk pemahaman budaya. Ortiz (2020) mengkaji satira visual yang berfungsi sebagai mekanisme untuk kritikan ideologi. Penyelidikan ini menggunakan perspektif multimodaliti untuk menyiasat bagaimana elemen visual, bersama dengan faktor teks dan kontekstual, membentuk kandungan dan kritikan satira. Kaedah ini menganalisis bagaimana elemen visual dan lisan berinteraksi dalam menyampaikan dan membentuk sudut pandangan ideologi. Berdasarkan penyesuaian Teori Kress dan Leuween, keberkesanan satira visual juga dipengaruhi oleh konteks cara sesuatu visual dipersembahkan. Konteks budaya, politik dan

sejarah membentuk cara sindiran visual ditafsir dan difahami oleh khalayak (lihat juga Mohd Haniff, 2023; Mohamed Nazreen et al., 2022).

Kajian Gimenez (2024) menunjukkan bahawa sindiran visual, apabila dianalisis melalui pendekatan multimodaliti, menawarkan cara kritikan ideologi yang kuat dengan menggabungkan elemen visual dan tekstual untuk mencabar norma dan kepercayaan yang berlaku. Dalam konteks ini, ideologi yang dibina dalam visual politik berperanan sebagai penyebar mesej dalam membentuk pengaruh khalayak tentang apa yang dilihat dan disuarakan (McNair, 2003). Hal ini dianggap sebagai satu kritikan sosial dalam mengetengahkan sesuatu ketidakadilan secara langsung mahupun tidak langsung dengan cara yang lucu atau kritis. Bentuk-bentuk provokasi melalui manipulasi fikiran khalayak berupaya menghasilkan rembesan ideologi turut yang berkesan (Chan et al., 2018). Antara fakta yang menyokong pernyataan ini ialah apabila unsur imej politik digambarkan sebagai satu kekuasaan dalam mempengaruhi sesuatu tindakan, perilaku, keputusan dan lain-lain. Bagi menjawab persoalan kajian ini, terdapat dua objektif utama yang dicapai (1) menganalisis kandungan satira visual politik terpilih dan (2) menganalisis pembentukan kuasa dan ideologi satira visual politik berdasarkan kandungan satira visual politik.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kadangkalanya, satira visual amat mengelirukan dan realitinya dalam konteks ini, satira lazimnya bertindak sebagai satu elemen yang negatif untuk membangkitkan tindak balas emosi pembaca terhadap sesuatu isu, serta menimbulkan konflik dan memanipulasi persepsi. Visual politik berperanan sebagai penyebar mesej dalam membentuk pengaruh khalayak tentang apa yang dilihat dan disuarakan (Fawzy, 2018). Kebanyakan bentuk ‘*trolling*’ di Malaysia mengambil visual negatif, seperti tanggapan khalayak terhadap visual tersebut. Kenegatifan visual ini membentuk pengaruh kepada perspektif khalayak dan kecenderungan politiknya sama ada secara sedar ataupun tidak (Matthes, 2022).

Kajian melibatkan analisis kuasa dan ideologi khususnya melibatkan satira politik dalam sosial media agak jarang diketengahkan oleh pengkaji tempatan malahan skop kajian banyak berfokus dalam

akhbar-akhbar digital. Analisis Wacana Kritis menekankan bagaimana wacana mencerminkan dan mengekalkan struktur kuasa serta ideologi yang dominan dalam masyarakat. Berbeza dengan kajian lain yang mungkin lebih menumpukan pada aspek seperti retorik atau kesan humor tetapi tidak dijelaskan secara wacana kritis melibatkan tumpuan yang mendalam terhadap peranan wacana. Secara tradisinya, maklumat politik disebarkan melalui bahan bercetak seperti surat khabar, manuskrip dan majalah (Mustafa & Hamzah, 2011). Namun begitu, pada masa kini, khalayak lebih mudah menerima perubahan dalam media baharu yang kerap diketengahkan, iaitu dengan menggunakan platform sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, blog dan lain-lain. menarik secara visual (Fichman & McClellan, 2021).

Maka timbullah minat dalam kalangan sarjana dalam meneliti kajian melibatkan visual politik melibatkan kuasa, ideologi dan satira dalam aspek yang berbeza. Sebagai contoh, Besar et al. (2015) mengkaji visual dan kesan politik melalui kempen pilihan raya kecil dan manifesto dalam Dewan Undangan Negeri Kajang. Responden kajian ini ialah pengguna media sosial. Kajian ini merumuskan bahawa pemvisualan yang berbentuk sinis dalam kalangan responden di media sosial berupaya mempengaruhi persepsi khalayak melalui agenda dan ideologi dalam retorik visual tersebut. Anuar et al. (2016) mengkaji impak meme di *Facebook* dari aspek sosiopolitik dan politik di Malaysia. Hasilnya, meme ini dilihat sebagai satu indikator untuk menyukat kepuasan hati pengguna media sosial terhadap ahli politik melalui kepentingan isu sama ada perlu diperdebatkan atau diperbincangkan. Manakala kajian oleh Raja et al. (2018) mengkaji visual satira politik dalam laman sosial *Facebook*. Kajian yang dijalankan berupaya menunjukkan pengaruh visual dan respons khalayak yang dapat dikatakan sebagai satu trend semasa. Penggunaan media sosial seperti *Facebook* ini dilihat sebagai salah satu keperluan masyarakat untuk memperoleh maklumat politik.

Sehubungan dengan itu, Abu Hassan dan Idris (2020) meneliti satira sosiobudaya dan politik dalam Filem *Lelaki Harapan Dunia* (2014). Walaupun kajian ini meneliti dalam filem, namun kajian ini berupaya mendedahkan unsur politik dalam filem ini melalui satira politik yang diketengahkan menerusi menghubungkan amalan rasuah dalam kalangan ahli politik. Justeru, kajian ini berjaya menonjolkan bentuk wacana yang bersatira dalam konteks politik malah dilihat sebagai satu budaya popular politik. Nurul Iwan (2023) mengkaji tentang

unsur ‘*keyboard warrior*’, netizen dan ‘*Cybertroopers*’ di Malaysia yang berfokuskan kepada aspek politik. Kajian mendapati bahawa ‘*Trolling*’ politik merupakan keinginan utama untuk ‘*Cybertroopers*’ melakukan serangan secara maya melalui komen-komen di media sosial dalam skop politik di Malaysia.

Oleh itu, jelas dari kajian lepas membuktikan bahawa kajian visual yang bersifat satira politik dapat menonjolkan agenda, ideologi dan kuasa kepada khalayak yakni khalayak juga dilihat mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap apa-apa yang diketengahkan oleh bentuk politik sama ada perkongsian imej satira, pilihan raya atau apa-apa unsur kepolitikan yang mencerminkan sesuatu agenda mereka. Perbandingan aspek kajian yang diteliti ini juga membentuk impak dan implikasi kepada politik negara disebabkan khalayak kini begitu arif untuk menilai situasi dan maklumat yang dihidangkan kepada mereka. Kajian ini juga mengetengahkan bagaimana visual satira politik dalam media sosial pada masa kini yang dikenali sebagai ‘X’ dapat mempengaruhi khalayak melalui rembesan agenda politik, ideologi dan kuasanya. Pada masa yang sama, penggunaan media sosial sememangnya membantu meningkatkan imej politik dalam aktiviti semasa bahkan hal ini dapat menjelaskan sensitiviti masyarakat terhadap perkembangan semasa yang melibatkan visual politik (Ali et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif melalui penghuraian deskriptif. Kajian ini menganalisis tiga data visual satira politik terpilih. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kuasa dan ideologi representasi visual satira politik terpilih calon dalam media sosial. Data ini, merangkumi data terpilih di media sosial ‘X’ melalui akaun ‘*troll*’ yang terkenal, iaitu akaun ‘X’ Fahmi Reza @kuasasiswa. Justifikasi pemilihan data visual daripada akaun ini kerana satira visual politik di Malaysia yang diketengahkan oleh beliau paling banyak mendapat perhatian pengguna media sosial ‘X’, berupaya mendapatkan butang suka dan perkongsian yang sangat banyak. Beliau juga merupakan seorang ahli grafik politik Malaysia yakni karya visual satira beliau mengandungi kuasa dan ideologi tertentu kepada khalayak.

Dalam kajian ini, tiga sampel data yang dipilih dan dianalisis bergantung kepada jumlah pengguna ‘X’ yang menyukai dan berkongsi

visual satira ini. Sampel pertama visual yang dipilih berdasarkan butang suka adalah sebanyak 18,000 dan 250,000 melihat visual ini. Manakala sampel kedua sebanyak 2500 individu yang menyukai dan 306,000 melihat visual satira ini dan sampel ketiga menunjukkan jumlah sebanyak 6132 yang menyukai hantaran ini dan 443,100 yang melihat visual ini secara keseluruhan. Setiap visual yang dipilih ini mempunyai kekuatan visual tersendiri terhadap kuasa dan ideologi yang dihidangkan. Pemerolehan data visual ini diperoleh melalui platform media sosial yang berpengaruh pada masa kini iaitu 'X'.

Data yang diperoleh di media sosial diambil dalam tempoh 2022 dan 2023 memandangkan dalam tempoh ini visual satira yang berkaitan dengan individu dalam politik di Malaysia mendapat liputan tentang isu-isu lalu maka paparan visual satira ini menimbulkan perdebatan pengguna media sosial 'X'. Paparan imej ini menambahkan bilangan hantaran dan ciapan di 'X' secara berganda dan mendapat perhatian warga maya yang lain.

Data dalam kajian ini akan dianalisis dan disesuaikan berpandukan Analisis Wacana Kritis Fairclough (1995; 2006) dan Teori Semiotik Visual oleh Kress dan van Leeuwen (1996) untuk menganalisis kandungan visual dalam semua data visual. Penyesuaian kedua-dua teori ini berupaya untuk menganalisis kuasa dan ideologi dalam 3 sampel visual yang dipilih. Kuasa dan ideologi yang akan dianalisis adalah berpandukan kepada penyesuaian Teori Fairclough dan penelitian ini akan disesuaikan dengan Teori Kress dan van Leeuwen bagi menganalisis ciri-ciri sampel visual yang terpilih. Pemilihan data dan bilangan data yang dipilih dilihat relevan dan berpadu untuk mencapai objektif kajian.

Justeru itu, terdapat tiga aspek yang perlu dianalisis iaitu ideasional, interpersonal dan tekstual akan disesuaikan dengan unsur semiotik secara menyeluruh dalam 3 data visual satira terpilih ini. Dalam konsep ini, istilah ideasional menerangkan bagaimana bahasa berfungsi dalam komunikasi. Fairclough menggunakan model ini dalam Analisis Wacana Kritis (CDA) untuk menggambarkan bagaimana wacana membentuk dan mencerminkan realiti sosial, dinamik kuasa dan ideologi. Ideasional juga dijelaskan dan disesuaikan berdasarkan ciri-ciri simbol dalam dunia nyata yang berbentuk naratif dan pola konseptual. Ideasional ini menyampaikan perspektif ideologi kerana cara peristiwa dan tindakan boleh dipengaruhi oleh kepercayaan sosial, politik atau budaya.

Manakala, fungsi interpersonal menunjukkan bagaimana dinamik kuasa dicipta, ditegakkan, atau dipertikaikan dalam wacana. Bahasa tertentu boleh menunjukkan penguasaan, penyerahan, kesaksamaan atau kuasa. Sebagai contoh, perbezaan dalam formaliti, pemilihan kata ganti nama dan strategi kesopanan boleh mendedahkan hubungan kuasa yang mendasari. Interpersonal dijelaskan untuk mengenal pasti hubungan antara simbol di samping pengeluar dan penerima simbol. Hal ini merangkumi sikap, emosi, pertimbangan atau penilaian melalui wacana. Nada, mood dan modaliti memainkan peranan penting dalam memberi isyarat pendirian penutur terhadap subjek dan pendengar. Bagi tekstual pula, fungsi ini meneliti bagaimana wacana dibentuk pada peringkat teks dengan menganalisis bagaimana pelbagai elemen linguistik digunakan untuk membina makna, menyambung idea dan menyusun hujah. Bahagian ini penting dalam memahami cara bahasa diaplikasikan dalam komunikasi serta bagaimana teks berfungsi untuk menghasilkan kesan atau makna tertentu dijelaskan sebagai peristiwa visual yang berlaku dalam imej dalam mengklasifikasikan dan menganalisis peserta, objek, tempat atau orang berdasarkan konteks tertentu.

Mengintegrasikan Teori Fairclough dan Teori Kress dan Leuween, berupaya menyediakan kaedah menyeluruh untuk mengkaji unsur visual secara kolaboratif bagi menyampaikan makna, kuasa dan ideologi.

Pendekatan gabungan ini menambah baik analisis teks multimodaliti, seperti kartun politik, iklan atau kandungan media sosial, iaitu kedua-dua teks dan visual memainkan peranan dalam membentuk makna. Gabungan ini membolehkan pengungkapan makna imej sama ada secara tersurat atau tersirat dapat dizahirkan dalam analisis ini secara holistik. Analisis di bawah diketengahkan untuk menganalisis dan memperincikan keseluruhan makna dalam pembinaan kuasa dan ideologi melalui visual satira politik secara kritis.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil kajian berdasarkan visual satira politik yang dianalisis. Hasil kajian ini menggariskan tiga visual utama yang dipilih dalam media sosial 'X' melalui akaun Fahmi Redza @kuasasiswa. Tiga visual utama yang dianalisis di bawah menunjukkan kepentingan yang jelas tentang sebab visual ini dipilih

untuk mewakili visual satira politik yang penting. Ada agenda dan ideologi utama yang ingin disampaikan kepada penonton. Berikut adalah analisis yang melibatkan representasi visual satira politik di Malaysia berdasarkan rajah 1, 2 dan 3 seperti di bawah:

Rajah 1

Visual Satira Politik 1



Sumber: Akaun 'X' Fahmi Redza@kuasasiswa

Berdasarkan visual satira politik dalam rajah 1 di atas, imej ini menunjukkan secara keseluruhan tentang kuasa dan ideologi di sebalik imej senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz bersama bekas Perdana Menteri 2020 dan 2021 serta Perdana Menteri baharu 2022. Dalam konteks visual satira politik ini, ideasionalnya tertumpu kepada imej yang ditonjolkan dan menggambarkan hubungan kekuasaan dan ideologi yang dimainkan oleh individu sepanjang tempoh 2020 hingga 2022. Dalam visual 2020, Tengku Zafrul berperanan sebagai individu utama yang dikedepankan dalam peristiwa visual ini sebagai ahli Dewan Negara. Hal ini dapat dibuktikan apabila imej beliau mendominasi ketiga-tiga parti yang berbeza setiap tahun. Setiap imej bagi setiap tahun

ini memperlihatkan ideologi kesatuan dan pengaruh Tengku Zafrul. Mata yang bersentuhan antara mereka menandakan kebergantungan dalam membuat keputusan dan peneguhan ideologi yang sama dalam pertumbuhan ekonomi dan kebajikan sosial. Manakala visual 2022 menunjukkan mesej sindiran terhadap kekalahan Tengku Zafrul namun di sebaliknya menunjukkan ketahanan politiknya. Ha ini menggambarkan keteguhan dan ketahanan ideologi individu dan keberanian dalam menghadapi cabaran politik.

Bagi tiga pembahagian utama dalam rajah ini yang menunjukkan latar belakang yang berbeza sepanjang 2020 sehingga 2022, posisi imej Tengku Zafrul terletak di sebelah kiri dan imej peserta lain terletak di sebelah kanan. Menurut Kress dan van Leeuwen (1996), imej di kedudukan kiri bermaksud ‘baharu’, iaitu imej yang membawa kepentingan ideologi kepada khalayak secara peribadi seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Manakala imej pada kedudukan di sebelah kanan pula bermaksud ‘memberi’ iaitu imej yang diketahui dan dipersetujui oleh khalayak. Dalam hal ini, ekspresi wajah dan bahasa tubuh antara Tengku Zafrul dan Tan Sri Muhyiddin Yassin menampilkan rasa persetujuan dan kerjasama yang kukuh serta menggambarkan hubungan yang harmoni dan sokongan dalam pelaksanaan dasar. Sebaliknya imej antara Tengku Zafrul dan Ismail Sabri menunjukkan adanya dominasi dan ketergantungan dalam pentadbiran.

Bagi imej 2022 pula menunjukkan gabungan imej positif dan mesej negatif yakni imej Tengku Zafrul ditafsir sebagai ekspresi imej positif melalui penerimaan beliau terhadap tugas baru walaupun terdapat elemen sindiran dalam mesej visual tersebut. Hal ini mencerminkan hubungan yang kompleks, melibatkan sokongan berserta kritik dalam konteks politik yang dapat dilihat bagi keseluruhan interpersonal. Maka representasi visual ini dapat menyebarkan ideologinya kepada khalayak sekiranya mereka dapat mentafsir mesej visual tersebut.

Bagi dimensi tekstual pula, susunan imej memperlihatkan Tengku Zafrul dalam konteks kerajaan Barisan Nasional, Perikatan Nasional dan Pakatan Harapan. Kedudukan imej beliau menggambarkan hubungan kuasa yang saling berkait dan membentuk naratif kerjasama dalam pemerintahan. Manakala mesej teks seperti ‘Calon BN Tengku Zafrul tewas’ dan ‘*I’m like a cockroach*’ menyampaikan sindiran sambil menegaskan ketahanan politik. Hal ini menekankan konotasi negatif, tetapi menggambarkan juga daya tahan individu dalam dunia

politik. Visual ini memberi gambaran penting kepada khalayak untuk menilai imej, watak dan perwatakan serta identiti Tengku Zafrul.

Pada masa yang sama, kekalahan Tengku Zafrul kepada calon PH sengaja diketengahkan dalam visual ini memandangkan kekalahan ini bersifat sindiran apabila beliau mendapat jawatan sebagai senator di Dewan Negara di bawah kerajaan Madani. Dalam konteks ini, senario ini menonjolkan daya tahan mereka kerana lipas membentuk konotasi negatif yang dianggap sebagai gangguan oleh sesetengah pihak. Werner (2020) menyangkal bahawa kekalahan mereka dalam dunia politik tidak boleh dianggap sepenuhnya sebagai sifat politik yang stabil. Justeru, jika terdapat percubaan untuk mengalahkan individu ini dilihat sebagai satu perbuatan yang sia-sia.

Berdasarkan analisis yang dihuraikan, beliau dilihat sebagai seorang individu yang bersifat individualistik, hipokrit dan kuasa yang dimiliki. Justeru, keseluruhan visual ini mendapati interaksi positif dapat menunjukkan hubungan kerjasama yang kukuh dalam membina ideologi yang sama dalam pelaksanaan dasar yang berkesan. Namun begitu, terdapat implikasi yang boleh berlaku iaitu ketidakstabilan politik boleh berlaku jika kekerapan perubahan pemimpin berlaku dan menjurus ke arah krisis politik yang lain. Kuasa dalam imej ini menunjukkan bahawa pengaruh Tengku Zafrul lebih besar dan hubungan mata Ismail Sabri menunjukkan kebergantungan beliau terhadap Tengku Zafrul berkaitan pandangannya. Hal ini menunjukkan kepentingan dan kewajarannya dalam pengagihan kuasa melalui kerjasama dalam tadbir urus negara dan keputusan dapat dibuat secara kolektif.

Secara keseluruhan, visual ini menonjolkan asas ideologi yang sama, yakni kesatuan objektif membentuk pertumbuhan ekonomi yang mapan dan kebajikan sosial terancang membentuk ideologi visual ini. Hal ini selaras dengan pandangan Coleman (2021) bahawa ideologi sebegini memberi gambaran yang positif kepada khalayak dalam mengukuhkan kepercayaan mereka kerana pandangan kedua peserta dalam imej menjadi ciri penting agenda untuk meramalkan sikap umum dan sifat positif visual.

Pada masa yang sama, visual ini berperanan untuk menarik perhatian kepada kepentingan apa-apa yang diperkatakan. Kuasa di sebalik visual menunjukkan bahawa keempat-empat individu dalam visual memegang kuasa penting dalam membuat keputusan dan

menonjolkan kewibawaan mereka dalam menyelesaikan masalah negara. Manakala, ideologi yang sama telah dibentuk bagi meraih kepercayaan khalayak dan kestabilan ekonomi negara. Penghasilan visual satira ini memanfaatkan gambar dan mesej tersembunyi untuk menyampaikan pandangan mereka terhadap tokoh politik yang terlibat. Sebagai contoh, ekspresi wajah, bahasa tubuh, serta sindiran dalam visual 2022 mengisyaratkan kritikan terhadap ketahanan politik Tengku Zafrul meskipun beliau kalah dalam pilihan raya. Meskipun tewas, beliau masih memegang peranan penting dalam kerajaan dan dilihat sebagai sesuatu yang negatif oleh penghasil wacana tersebut.

Rajah 2

Visual Satira Politik 2



Sumber: Akaun 'X' Fahmi Redza @kuasasiswa

Latar belakang visual ini menunjukkan ADUN Rawang, iaitu Chua Wei Kiat yang dijadikan sebagai model dalam iklan Maggi berperisa kari yang menjadi lambang pilihan makanan segera yang popular dalam kalangan rakyat di Malaysia. Warna kuning telah mendominasi latar belakang visual iaitu warna ini berupaya menarik minat khalayak terhadap ciri-ciri dan mesej yang diketengahkan malah pemilihan warna ini dilihat sebagai satu strategi. Kress dan Leuween (2002)

menyatakan bahawa setiap pilihan warna mempunyai konotasi tertentu dalam penggunaan komunikatif yang signifikan dalam sesuatu konteks khususnya berdekatan dengan konteks sosiobudaya. Dalam hal ini, beberapa ciri visual yang terdiri daripada label ‘Mangkuk hayun, 2 minit’, ‘Guna sebelum 22 September 2023’ ‘logo tolol’ dan beberapa label lain, ‘satu bungkus (5 paket) maggi RM4.80’, ‘maggi makan kedai RM5.00’, ‘Rafizi cakap benar’, ‘makan di rumah lagi jimat’ dan logo Malaysia Madani.

Kesemua ciri yang diketengahkan membawa mesej yang signifikan kepada khalayak yakni kata ‘Mangkuk hayun’ menggambarkan individu yang tidak boleh diharapkan dan tidak bijak. Aspek ideasional dalam visual satira politik ini, diwakili melalui imej Chua Wei Kiat yang dikaitkan dengan makanan segera Maggi. Kritikan utama yang disampaikan adalah ketidakrelevanan cadangan ADUN ini dalam konteks ekonomi, yakni kenaikan harga barang runcit dijadikan latar belakang masalah yang dihadapi rakyat.

Penggunaan humor sarkastik dalam frasa seperti ‘Mangkuk hayun, 2 minit’ menyampaikan pandangan sinis terhadap ketidakmampuan pemimpin politik dalam menyelesaikan isu nasional dengan berkesan. Imej utama ialah imej besar ADUN Rawang yang menghiasi di tengah-tengah iklan maggi. Kedudukan imej yang besar dan di posisi tengah bermaksud pemilikan kuasa dan pengaruh kepada khalayak (Kress & van Leeuwen, 1996). Elemen visual seperti saiz, warna, kedudukan dan sebagainya dilihat signifikan bagi menggalakkan pembentukan makna imej secara mendalam. Menariknya, imej jari Chua Wei Kiat pula menggambarkan dakwat mengundi yakni beliau telah memenuhi tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dan imej jari berdakwat tersebut diletakkan di dalam hidung beliau menunjukkan unsur humor dalam membina *mood* khalayak melalui imej beliau yang seakan badut untuk ditertawakan.

Label ‘Maggi mi 2 minit’ digantikan dengan label ‘Mangkuk hayun, 2 minit’ untuk menggambarkan cadangan sarkastik ADUN Rawang bahawa jika makan di rumah lebih menjimatkan terutamanya makanan segera Maggi. Situasi ini dikaitkan dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat disebabkan kenaikan harga barangan runcit semakin tinggi dan menjadi beban kepada rakyat. Justeru, dengan cadangan sarkastik beliau situasi ini menggambarkan kelemahan dan rasa kurang hormat khalayak terhadap Chua Wei Kiat yang mencadangkan makanan segera Maggi. Cadangan memakan mi segera adalah tidak relevan

sama sekali walaupun menjimatkan kerana mi segera tidak berkhasiat dan memberi kesan sampingan jika mi segera ini kerap dimakan. Dalam hal ini, interpersonal yang menunjukkan hubungan kuasa dan kredibiliti Chua Wei Kiat sebagai seorang ahli politik dipersoalkan melalui imej yang memposisikan beliau sebagai watak sarkastik. Penggunaan imej seperti jari berdakwat yang diletakkan di hidung menunjukkan unsur humor yang merendahkan martabat pemimpin tersebut. Hal ini menggambarkan ketidakpercayaan dan penghinaan terhadap kepimpinan beliau dalam mengurus isu yang lebih penting seperti ekonomi negara.


Label tarikh pula, ‘Guna sebelum 22 September 2023’ menggambarkan tarikh pernyataan oleh Chua Wei Kiat dibuat yang menggantikan tarikh luput mi segera yang lazim. Tarikh ini membentuk kebaruan peristiwa dan berupaya untuk mengkritik ahli politik dengan cara berkesan melalui tarikh yang signifikan ini. Seguel et al. (2017) juga berpandangan bahawa jika terdapat pernyataan atau kandungan melibatkan politik yang lawak atau gurauan sarkastik dalam politik, kepercayaan terhadap ahli politik akan terjejas dan dipandang secara negatif. Selain itu, simbol atau logo ‘Halal’ yang lazimnya terdapat di pek bungkusan telah digantikan dengan ‘logo tolol’, logo ini dianggap begitu penting oleh pembeli sekiranya membeli barangan Halal. Maka, ‘logo tolol’ diasosiasikan dengan cara pemikiran dan sifat peribadi Chua Wei Kiat berkaitan isu hangat ini yang merupakan simbol penting kepada khalayak. Sinonim bagi kata ‘tolol’ ialah, bodoh, bebal, dungu dan lain-lain digunakan bagi menunjukkan konotasi negatif dan kenegatifan yang tinggi bagi menggambarkan identiti Chua Wei Kiat. Bagi label lain, seperti ‘satu bungkus (5 paket) maggi RM4.80’, ‘maggi makan kedai RM5.00’, ‘Rafizi cakap benar’, ‘makan di rumah lagi jimat’ dan logo Malaysia Madani.

Secara dasar hal ini menunjukkan ketidakrelevanan dalam menyelesaikan masalah ekonomi negara yang semakin dibebani oleh rakyat. Pernyataan secara tegas yang dianggap bahawa Menteri Ekonomi Malaysia iaitu Rafizi Ramli bercakap benar menunjukkan sisi luar mesej visual yakni, unsur kesetiaan dan kerjasama walaupun kenyataan tersebut tidak relevan dan bersifat humor disebabkan ADUN Rawang ini mewakili Parti Pakatan Harapan begitu juga Menteri Ekonomi Malaysia di bawah kerajaan Madani. Unsur tekstual visual menggunakan struktur yang jelas untuk menyampaikan mesej secara langsung dan tersirat kepada audiens.

Warna kuning yang dominan menarik perhatian, manakala teks seperti “Mangkuk hayun” dan “Guna sebelum 22 September 2023” memainkan peranan penting dalam menyebarkan sindiran terhadap Chua Wei Kiat. Struktur imej yang menempatkan Chua Wei Kiat di tengah juga menunjukkan kuasa simbolik yang dimiliki oleh beliau dalam visual, walaupun dalam konteks sindiran. Penghasil wacana menggunakan imej Chua Wei Kiat sebagai pusat perhatian dan simbol kritikan, dengan menggunakan elemen-elemen yang mampu mempengaruhi persepsi khalayak terhadap kedudukannya dalam politik. Hal ini mencerminkan pendirian kritikal terhadap kepemimpinan ahli politik dan pendekatan partinya terhadap isu ekonomi. Malah kuasa dan ideologi ini menonjolkan kegagalan kerajaan Madani dalam menangani isu serius dengan berkesan. Davis, Love dan Killen (2018) menjelaskan bahawa unsur humor kadang kalanya dilihat sebagai subjektif dalam konteks politik melainkan wujud penentangan sivik secara langsung. Keseluruhan analisis ini juga menyampaikan pandangan yang lebih luas tentang kegagalan kepemimpinan politik secara umum, melalui elemen visual yang provokatif dan mesej yang terang-terangan mengejek.

Rajah 3

Visual Satira Politik



Sumber: Akaun 'X' Fahmi Redza@kuasasiswa

Rajah 3 terdiri daripada imej Abdul Hadi Awang yang merupakan Presiden Parti Islam Se-Malaysia. Simbol, imej, warna dan perkataan lain memenuhi ruang latar belakang visual ini. Antaranya, ialah imej wang kertas RM600, slogan ‘SEDEKAH BUKAN RASUAH’, ‘tulisan Jawi pertahankan politik wang’, logo ‘tolol’ dan dua ton warna latar belakang yang berbeza. Gambaran, visual ini menandakan identiti dan kepentingan PAS dalam arena politik yang menunjukkan mesej dan kritikan terhadap entiti politik. Imej beliau terdiri daripada imej yang telah disunting untuk menonjolkan identiti beliau sebagai ahli politik di Malaysia. Latar belakang yang berwarna merah gelap dan berwarna krim digunakan untuk menambah *mood* untuk menarik perhatian terhadap elemen tertentu dalam imej. Manakala, warna krim pula digunakan untuk mewujudkan persekitaran yang tenang dan neutral yang membolehkan warna atau elemen lain menonjol. Gabungan dua warna ini mempunyai konotasi psikologi dan budaya yang berbeza bagi mempengaruhi bentuk visual terutamanya slogan dan logo.

Warna juga dikaitkan dengan simbol budaya dan isyarat visual mempengaruhi tingkah laku politik, identiti kumpulan mahupun persepsi awam (Kim, 2015). Penggunaan warna dapat digambarkan dalam konteks sosial tertentu. Misalnya dalam visual protes, kempen politik atau sesuatu gerakan yang membawa makna dan kuasa tertentu serta berpotensi mempengaruhi impak gerakan tersebut. Berdasarkan pandangan Sawyer (2007), warna boleh berperanan sebagai pemboleh ubah dalam kalangan khalayak bahkan juga unsur berat sebelah boleh berlaku. Hal ini kerana warna dapat membangkitkan tindak balas emosi dan budaya yang diingini daripada khalayak.

Elemen ideasional yang wujud melalui imej Abdul Hadi Awang memegang wang melambangkan konteks politik berkontroversi. Rentetan imej pakaian dan wang ringgit yang diketengahkan, slogan ‘SEDEKAH BUKAN RASUAH’, ‘tulisan Jawi pertahankan politik wang’ dalam visual ini juga berhubung kait dengan mesej tertentu untuk memberi impak kepada khalayak yang dikaitkan dengan entiti politik yang disasarkan. Secara tersirat, slogan ini dapat membezakan antara perbuatan sedekah dan perbuatan rasuah, yakni saiz perkataan ‘SEDEKAH’ dan ‘RASUAH’ lebih besar berbanding dengan perkataan ‘BUKAN’. Maka slogan ini menimbulkan kecurigaan dan visual ini mencadangkan bahawa sumbangan kewangan harus dilihat sebagai tindakan yang sah dan bukannya amalan rasuah. Hal ini

dihubungkan dengan konteks politik, yakni Abdul Hadi Awang ketika Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU 15) yang menerima pengagihan wang oleh beberapa individu namun beliau menyatakan pemberian wang tersebut merupakan sumbangan bukan rasuah. Justeru, slogan ini digunakan untuk mendedahkan derma yang dianggap sebagai rasuah. Hal ini menentang nilai budaya dan agama Islam jika rasuah diamalkan.

Hal ini kerana tindakan yang didakwa menerima dana dan dianggap sebagai sedekah bukan rasuah. Pakaian merah yang secara tradisinya dikaitkan dengan nasib baik semasa Tahun Baru Cina, menambah satu lagi lapisan ironi, kerana hal ini berbeza dengan identiti Islam Abdul Hadi. Fungsi ideasional imej adalah untuk menyerlahkan percanggahan yang dirasakan dalam tindakan politik dan nilai moral. Berdasarkan pakaian dan warna baju yang melambangkan baju Cheongsam yang berwarna merah, konotasi imej ini juga menonjolkan rasa keseronokan beliau yang berjaya memperoleh wang yang diasosiasikan dengan ‘angpau’.

Pada masa yang sama, terdapat wang kertas bernilai RM600 dipegang oleh beliau dan jari telunjuk kiri menunjukkan wang yang diterima oleh beliau secara terbuka. Terdapat unsur sarkastik yang dihubungkan dengan identiti Abdul Hadi Awang bahkan imej tunggal ini difokuskan secara dekat untuk mewujudkan persepsi langsung, khususnya interaksi ini dibina berdasarkan pandangan mata yang biasanya dikaitkan dengan kepercayaan dan kejujuran individu dari sudut khalayak. Kedudukan imej berada di kedudukan hadapan dan imej yang diambil secara dekat sekadar memfokuskan kepada kepentingan agenda utama dan penyebaran ideologi parti kepada khalayak (Kress & van Leeuwen, 1996). Hal ini menonjolkan dimensi interpersonal melalui hubungan antara peserta dan penonton. Gambar wajah Abdul Hadi secara langsung dan dekat, di samping bahasa badannya dan isyarat memegang wang, membina imej penentangan terbuka. Label sindiran “Sedekah bukan Rasuah” mencabar penonton mempersoalkan kesahihan dakwaan politik.

Dengan menarik perhatian kepada saiz perkataan “CHARITY” dan “CORRUPTION,” penghasil visual cuba untuk mengetengahkan keraguan penonton, meletakkan diri mereka sebagai pengkritik justifikasi Abdul Hadi Awang. Selanjutnya, logo ‘tolol’ pula berada di sebelah kanan atas imej yang kedudukannya hampir mengenai imej

kepala Abdul Hadi Awang, yakni logo mewakili latar dan identiti beliau. Logo ‘tolol’ ini diasosiasikan dengan imej dan perbuatan yang menerima wang daripada individu secara terbuka semasa tempoh yang semakin hampir dengan PRU 15. Logo yang disunting melambangkan penolakan atau kritikan terhadap entiti yang diwakilinya, seperti parti politik, organisasi atau ahli politik.

Logo sarkastik dapat menyerlahkan kelemahan, kegagalan, kemunafikan dan integriti peribadi. Kesemua logo yang digunakan menguatkan satira visual rajah 3. Dimensi tekstual ini berperanan untuk memberi pengetahuan kepada penonton ke arah mentafsir visual sebagai kritikan terhadap rasuah politik. Penggabungan tulisan Melayu dan Jawi meningkatkan serangan sindiran terhadap kedua-dua individu dan sistem politik. Farelly (2010) menegaskan bahawa penggunaan elemen dan ciri lain dalam humor politik secara tidak langsung boleh meningkatkan penyertaan politik dengan menimbulkan emosi negatif terhadap sesuatu konteks dalam isu politik yang hangat. Kuasa dan ideologi di sebalik visual ini boleh melemahkan persepsi khalayak terhadap kecekapan individu yang diketengahkan malah visual ini menggambarkan interaksi kompleks antara moral, identiti dan tingkah laku politik.

KESIMPULAN

Secara tuntas, dengan secara visual sahaja kuasa dan ideologi dapat disebarkan kepada khalayak. Tujuan visual bukan sahaja untuk menghiburkan tetapi untuk mengkritik dan mempersoalkan integriti ahli politik sekali gus memupuk penglibatan politik yang lebih mendalam. Analisis ketiga-tiga visual satira politik menonjolkan keberkesanan wacana visual dalam menggunakan jenaka, sindiran dan imej simbolik. Setiap visual memaparkan tindakan mereka dalam konteks sosiopolitik dan menggunakan sindiran untuk mempersoalkan dan mendedahkan ideologi asas. Bagi visual Tengku Zafrul, representasi satira itu mengkritik ketahanan politiknya walaupun kalah dalam pilihan raya, menggunakan ironi untuk mempersoalkan kesahihan pengaruh berterusannya, sekali gus mencerminkan percanggahan antara jangkaan awam dan hasil politik.

Dalam kes Chua Wei Kiat, jenaka dan keterlaluan digunakan untuk mengkritik cadangan ekonominya, menggambarkan beliau sebagai

‘badut’ untuk menekankan ketidakcekapannya dalam menangani masalah ekonomi negara. Sementara itu, visual Abdul Hadi Awang dibina di sekitar simbol, seperti wang dan slogan yang mengkritik pendirian etikanya, terutama mengenai derma politik. Dalam konteks politik di Malaysia, visual satira dilihat sebagai medium yang paling dekat untuk penyebaran kuasa dan ideologi melalui media sosial. Dari segi amalan wacana, sindiran visual dicipta oleh penghasil atau aktivis politik yang bertujuan untuk menonjolkan dan mengkritik percanggahan yang dilihat dalam tindakan ahli-ahli politik di Malaysia, yang selaras dengan agenda Fahmi Redza sebagai seorang pereka grafik politik, artis jalanan dan pembuat filem dokumentari. Penggunaan jenaka, sindiran, dan ironi mencerminkan taktik biasa dalam sindiran politik, yang berfungsi untuk mencetuskan pemikiran kritis dan mencabar naratif yang diterima. Wacana jenis ini sering diedarkan di platform media sosial untuk melibatkan orang ramai dan menggalakkan penelitian terhadap etika politik, terutamanya berkaitan isu seperti derma politik. Unsur ideasional, interpersonal dan tekstual visual memberikan gambaran tentang cara sindiran politik yang dominan serta menggalakkan perdebatan awam dalam tindak tanduk ahli politik. Seperti yang dikatakan oleh Fitchman dan Dainas (2018) humor bukan sahaja mengkritik tetapi juga memupuk peningkatan penyertaan awam dan penglibatan emosi dengan kontroversi politik. Oleh itu, visual ini menggariskan hubungan yang berkembang antara sindiran politik dan wacana awam, menggambarkan bagaimana media, khususnya media sosial, menjadi platform untuk pertempuran ideologi berkaitan kuasa, etika dan tadbir urus. Oleh itu, dengan menjalankan kajian seperti ini, dapatan kajian dapat digunakan untuk mengesan dan mengenal pasti secara berkesan pembentukan kuasa dan ideologi ahli politik pada masa akan datang. Walaupun kajian ini berupaya merungkai kuasa dan ideologi di sebalik visual satira politik, namun implikasi kajian terbatas kepada penyesuaian teoretikal dalam kedua-dua teori. Kajian ini boleh dikembangkan dengan menggunakan praktis teori yang pelbagai dan aspek kajian yang berbeza khususnya bagi kajian baharu tentang satira visual.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengenalan: Darwalis Sazan
Sorotan literatur: Darwalis Sazan
Metodologi: Darwalis Sazan
Analisis: Darwalis Sazan
Dapatan: Darwalis Sazan
Penutup: Darwalis Sazan
Rujukan: Darwalis Sazan

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abu Hassan, B. R., & Idris, N. H. (2020). Analisis dekonstruktif terhadap satira sosiobudaya dan politik dalam filem *Lelaki Harapan Dunia* (2014). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 123–138.
- Ahmed, S., & Masood, M. (2024). Breaking barriers with memes: How memes bridge political cynicism to online political participation. *Social Media Society*, 10(2). <https://doi.org/10.1177/20563051241261277>
- Ali, M., Sapiezynski, P., Korolova, A., Mislove, A., & Rieke, A. (2019). Ad delivery algorithms: The hidden arbiters of political messaging. *arXiv*. <https://doi.org/10.48550/arXiv.1912.04255>

- Anuar, F. N., Ahmad, F., Mohamed Salleh, S., & Abu Hassan, B. R. (2016, September 26–27). Memahami meme sebagai seloka harian: Impak dimensi sosiobudaya dan politik [Pembentangan kertas kerja]. Dlm. *Proceedings of the 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2016)*, Penang, Malaysia.
- Besar, A., J, Mat Jali, F., M, Lyndon, N. & Daud, S. (2015). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes dewan undangan negeri (N25) Kajang, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 78–89.
- Brian, M. (2003). *An introduction to political communication*. Routledge.
- Chan, M., Chen, H. T., & Lee, F. F. L. (2018). Examining the roles of political social networks and internal efficacy on social media news engagement: A comparative study of six Asian countries. *Asian Journal of Communication*, 24(2), 127–145. <https://doi.org/10.1177/19401612188144>
- Chen, H. T., Chen, G., & Sun, P. (2017). How does political satire influence political participation? Examining the role of counter and proattitudinal exposure, anger, and personal issue importance. *International Journal of Communication*, 11, 3011–3029.
- Cheng, J., Bernstein, M., Mizil, N. C. D., & Leskovec, J. (2017). Anyone can become a troll: Causes of trolling behavior in online discussions. *Proceedings of the 2017 ACM Conference on Computer Supported Cooperative Work and Social Computing* (hlm. 1217–1230). <https://doi.org/10.1145/2998181.2998213>
- Coleman, R. (2021). Studying visual communication using nonverbal behavior: Opportunities and challenges. *Visual Communication Research*, 1, 57-77.
- Davis, J. L., Love, T. P., & Killen, G. (2018). Seriously funny: The political work of humor on social media. *New Media & Society*, 20(10), 3898-3916. <https://doi.org/10.1177/1461444818762602>
- Fairclough, N. (1995a). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.
- Farely, M. (2010). Critical discourse analysis in political studies: An illustrative analysis of the ‘empowerment’ agenda. *Politics*, 30 (2), 98-104. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9256.2010.01372.x>
- Fawzy, N. (2018). Untrustworthy news and the media as “enemy of the people?” How a populist worldview shapes recipients’

- attitudes toward the media. *Asian Journal of Communication*, 24(2), 146–164. <https://doi.org/10.1177/1940161218811>
- Fitchman, P., & Dainas, R. A. (2018). Graphics and tactics in satirical trolling on Tumblr.com. *International Journal of Communication*, 13(4), 4261–4286.
- Fitchman, N., & McClelland, M. W. (2021). The impact of gender and political affiliation on trolling. *Peer-Reviewed Journal of the Internet*, 26(1). <https://doi.org/10.5210/fm.v26i1.11061>
- Gimenez, M. E. (2024). The ideology of intersectionality: Historical materialist observations. *Human Geography*, 17(1), 83–87. <https://doi.org/10.1177/19427786231192956>
- Goyanes, M., Inguanzo, I., & de Zuniga, G. H. (2024). Trolling and insulting others on social media in Spain: The role of social media news use, culture of impunity, and social media envy. *Journal of Information Technology & Politics*, 22(2), 243–258. <https://doi.org/10.1080/19331681.2024.2348150>
- Harveena, K., & Puyo, A. (2021). Political satire and its influence on youth political perception. *Trends in Undergraduate Research*, 4(2), 18–28. <https://doi.org/10.33736/tur.4096.2021>
- Herring, S. C., Scheidt, L. A., Bonus, S., & Wright, E. (2004). Bridging the gap: A genre analysis of weblogs. Proceedings of the 37th Hawai'i International Conference on System Sciences (HICSS-37). Los Alamitos: IEEE Computer Society Press. <http://www.blogninja.com/DDGDD04.doc>
- Kim, T. S. (2015). Defining the Occupy movement: Visual analysis of Facebook profile images posted by local Occupy movement groups. *Visual Communication Quarterly*, 22(3), 174–186. <https://doi.org/10.1080/15551393.2015.1069192>
- Kress, G. & van, L., T. (1996). *Reading images: The grammar of visual design*. Routledge.
- Kress, G., & van L., T. (2002). Colour as a semiotic mode: Notes for a grammar of colour. *Visual Communication*, 1(3), 343–368. <https://doi.org/10.1177/147035720200100306>
- Lau, R. R., Sigelman, L., & Rovner, I. V. (2007). The effects of negative political campaigns: A meta-analytic reassessment. *The Journal of Politics*, 69(4), 1176–1209. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2508.2007.00618.x>
- Matthes, J. (2022). Social media and the political engagement of young adults: Between mobilization and distraction. *The Journal Online Media and Global Communication*, 1(1), 127–145. <https://doi.org/10.1515/omgc-2022-0006>

- McNair, B. (2003). *An introduction to political communication*. (3rd ed.). Routledge.
- Medhurst, M. J. & Desousa, M. (2014). Political cartoons and the rhetoric of satire. *Visual Communication Quarterly*, 21(1), 44–58. <https://doi.org/10.1080/15551393.2014.877013>
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Almahera Abu Hassan, & Syahidatul Munirah Badrul Munir. (2022). Puisi sebagai alat revolusioner: Analisis tekstual puisi-puisi perjuangan Patani dalam internet. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 85–115. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.3>
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2023). Manikam kalbu: Adat dan adab Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 55–73. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.3>
- Mustafa, E. & Hamzah, A. (2011). Online social networking: A new form of social interaction. *International Journal of Social Science and Humanity*, 1(2), 96–104. <https://doi.org/10.7763/IJSSH.2011.V1.17>
- Nurul Iwan. (2023). Pemahaman belia Malaysia terhadap politik cybertroopers: Kajian tinjauan di Selangor dan Perak. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 50–66. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.5.2023>
- Ortiz, M., S. (2020). Trolling as a collective form of harassment: An inductive study of how online users understand trolling. *Social Media+Society*, 6(2), 230–248. <https://doi.org/10.1177/2056305120928512>
- Paramita, D. A. (2018). The discourse of satire in political cartoons. *E-Journal Sastra Ingggris*, 7(5), 457–467.
- Ramcharan, R. (2013). ASEAN's problematic intergovernmental commission on human rights: The new media's role in enhancing the protection of human rights. *Journal of International Studies*, 9, 1–31.
- Razali, M. M., & Hussin, N. I. (2021). Media baharu dan aktiviti politik belia Melayu di Selangor. *Journal of Social Sciences (EJOSS)*, 7(1), 45–54. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.1.5.2021>
- Redza, F. (2022, November 30). Ciapan Fahmi Redza [Tweet]. 'X'. <https://x.com/kuasasiswa/status/1599610707582275588>
- Redza, F. (2023, September 5). Ciapan Fahmi Redza [Tweet]. 'X'. https://x.com/kuasasiswa/status/1706579113807385060?s=48&t=dAM47jZKJSA_xi23RItK-A
- Redza, F. (2023, December 17). Ciapan Fahmi Redza [Tweet]. 'X'. https://x.com/kuasasiswa/status/1617507706407129089?s=12&t=dAM47jZKJSA_xi23RItK-A
- Fairclough, N. (2006). *Language and Globalization*. Routledge.

- Rill, L. A., & Cardiel, C. L. (2013). Funny, ha-ha: The impact of user-generated political satire on political attitudes. *American Behavioral Scientist*, 57(12), 1738-1756.
- Saftoiu, R. & Tudor, N. (2023). Ethnic humor in cartoons: A dialogic perspective. *Language and Dialogue*, 13(3), 407-426. <https://doi.org/10.1075/ld.00159.saf>
- Sani, I. (2014). The use of verbal and visual metaphors in the construction of satire in Nigerian political cartoons. *Online Journal of Communication and Media Technologies*, 4(2), 147-169. <https://doi.org/10.29333/ojcm/2471>
- Sanusi, M., W, M, W., & Saad, M., Z, M, (2021). Faktor pengguna media sosial dan penyampaian manifesto mempengaruhi tingkah laku pengundi pilihan raya kampus. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 6(1), 67–76.
- Sawer, M. (2007). Wearing your politics on your sleeve: The role of political colours in social movements. *Social Movement Studies*, 6(1), 39–56. <https://doi.org/10.1080/14742830701251294>
- Seguel, A., Vargas, S., & Rubio, A. (2017). Exposure to political disparagement humor and its impact on trust in politicians: How long does it last? *Frontiers in Psychology*, 8, 2236. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2017.02236>
- Shachaf, P., & Hara, N. (2010). Beyond vandalism: Wikipedia trolls. *Journal of Information Science*, 36(3), 357–370.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2023). Internet users survey 2023. ISSN: 1823-2523.
- Werner, H. (2020). If I'll win it, I want it: The role of instrumental considerations in explaining public support for referendums. *European Journal of Political Research*, 59, 312–330. <https://doi.org/10.1111/1475-6765.12358>
- Xenia, F., & Marton, B. (2020). Images, politicians, and social media: Patterns and effects of politicians' image-based political communication strategies on social media. *SAGE Journals*, 26(1), 119–142. <https://doi.org/10.1177/1940161220959553>
- Yodiansyah, H. (2017). Komunikasi politik media surat kabar dalam studi pesan realitas politik pada media cetak Riau Pos dan Tribun Pekan Baru. *Jurnal Kajian Komunikasi*, 5(1), 11–30.
- Zulkifli, R. N. A., Ahmad, Y. M. S. N., Mohd Sani, A. M., & Muhamad, H. (2018). Satira politik: Analisis internet trolling di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 223–242. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-14>